

26 NOV 1997

Dewan-Usul (Melaka)

DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA LULUS USUL SOKONG DR MAHATHIR

MELAKA, 26 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Melaka hari ini sebulat suara meluluskan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu-isu semasa.

Usul yang dibawa oleh Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin turut mengutuk tindakan anggota kongres Amerika Syarikat yang menuntut Dr Mahathir memohon maaf atau meletak jawatan kerana kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi.

Usul yang disokong oleh Datuk Poh Ah Tiam (BN-Bukit Sedanan) dilulus sebulat suara selepas perbahasan singkat tiga anggota dewan yang turut disertai ketua pembangkang Sim Tong Him (DAP-Bandar Hilir).

Abu Zahar semasa membentangkan usul itu berkata ia merupakan mesej kepada mana-mana kuasa besar termasuk Amerika serta masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia adalah negara merdeka, berdaulat dan perlu melindungi kepentingan sendiri.

"Siapa yang kita pilih sebagai pemimpin adalah hak kita dan bukan hak orang lain sama ada Amerika Syarikat atau anggota kongres mereka.

"Kita tidak boleh merelakan pemimpin dan negara berdaulat ini dipermain-mainkan oleh kuasa besar yang mahu semua negara lain tunduk di bawah telunjuk mereka...Malaysia bukan lagi tanah jajahan mana-mana pihak dan tidak ada sebab ia perlu akur dan mengikut telunjuk sesiapa," katanya.

Abu Zahar berkata tindakan Robert Wexler yang membawa draf usul berkenaan ke kongres lebih merupakan usaha beliau untuk kepentingan politiknya dan kerana berasa angkuh.

Tindakan beliau dan konco-konconya itu menyimpang daripada prinsip demokrasi dan perhubungan antarabangsa dan adalah malang jika kongres Amerika dikuasai oleh ahli politik yang tidak tahu menilai prinsip demokrasi dan jahil tentang perhubungan antarabangsa, katanya.

"Negeri Melaka akan terus memberi sokongan kepada Dr Mahathir dalam menangani masalah yang dihadapi dan kita tetap yakin dan percaya kepada kepimpinan beliau, malah bersedia serta sanggup berganding bahu bagi menghadapi cabaran dan ancaman luar," katanya.

Poh pula berkata tindakan anggota kongres Amerika itu adalah keterlaluan kerana cuba campurtangan dalam hal ehwal negara lain dan tuduhan yang menyatakan Dr Mahathir anti-Yahudi adalah tidak adil sama sekali.

Sim berkata DAP menyokong usul mengutuk anggota kongres Amerika itu dan menyokong Dr Mahathir jika terdapat satu konspirasi untuk menjatuhkan kepimpinan beliau. -- BERNAMA

MOZ RON